

# PM serbu swasta jadi rakan kongsi aktif

KUALA LUMPUR 17 Ogos -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru sektor swasta supaya menjadi rakan usahasama yang aktif dalam usaha menerima teknologi asing.

Katanya, usahasama yang menggunakan teknologi asing ini sudah tentu akan membantu meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan tempatan.

"Ini bermakna syarikat tempatan haruslah melibatkan diri dalam semua bidang yang melibatkan teknologi tinggi secara aktif seperti pengurusan, kejuruteraan dan sebagainya supaya dengan cara ini ia akan membolehkan kita menguasai semua teknologi berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan kilang Sapura-Nokia Telecommunications

& Sapura Electronics Industries di sini, hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, dalam usaha negara mahu mempercepatkan proses perindustrian, Malaysia harus sanggup menerima teknologi asing yang sesuai bagi keperluan negara.

"Penerimaan hendaklah bukan secara pasif, sebaliknya harus memahami prinsip supaya kita dapat menggunakan teknologi berkenaan dalam mencipta barangan yang lain," katanya.

## Permindahan

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Dr. Mahathir berkata, pada masa ini memang sudah kelihatan pemindahan teknologi dilakukan oleh pengusaha tempatan dan Jam industri tertentu.

"Untuk menerima pemindahan teknologi kita memerlukan bukan sa-

haja pihak yang memiliki teknologi berkenaan tetapi juga mesti ada orang yang berkeupayaan menerima teknologi tersebut.

Kalau mereka (yang menerima) tidak faham maka mereka tidak boleh menerima," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, sekarang ini sudah nampak kilang-kilang elektronik milik rakyat Malaysia ditubuhkan.

"Malahan sudah ada syarikat yang sudahpun mampu mengeluarkan barangan untuk kegunaan syarikat asing," katanya.

Ditanya bilakah negara ini boleh menghentikan pengambilan teknologi luar, beliau berkata, ia tidak dilakukan kerana teknologi bukanlah sesuatu yang statik.

"Ia sentiasa berubah-ubah dari semasa ke se-

masa dan maju, oleh itu kita harus mesti mengikuti perkembangan teknologi dan menguasainya," katanya.

Dalam ucapannya juga, Dr. Mahathir menegaskan adalah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan memasuki projek usahasama dengan syarikat-syarikat multinasional.

## Perkhidmatan

Ini adalah untuk memenuhi permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi tempatan.

"Usahasama Sapura-Nokia ini adalah antara perniagaan usahasama yang kita ingin lihat bertambah lagi di negara ini.

Adalah diharapkan melalui usahasama seperti ini pemindahan teknologi kepada rakan kongsi tempatan akan dipercepat," katanya.